

11 MAY 2000

UMNO: MAHATHIR, ABDULLAH DISAH PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini disahkan sebagai presiden dan timbalan presiden Umno bagi sesi 2000/2003.

Pengesahan itu diumumkan oleh pengerusi jawatankuasa pemilihan Umno, Tan Sri Kamarul Ariffin Shah semasa urusan pemilihan parti pad perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri dan Abdullah selaku Timbalan Perdana Menteri sebelum ini secara tidak rasmi menang tanpa bertanding bagi jawatan-jawatan parti itu setelah kesemua 165 bahagian UMNO selesai mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

Dr Mahathir memperolehi 162 pencalonan manakala Abdullah mendapat 161 pencalonan.

-- BERNAMA

AFY/ZKS LAT